

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HGM 131 - Geografi Manusia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. Dua [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A:

1. Anda ditawarkan sebuah rumah kedai yang berharga berpatutan di bandaraya Pulau Pinang. Bincangkan bagaimanakah anda akan mempertimbangkan faktor-faktor tapak, situasi dan halangan sebelum anda membuat keputusan sama ada untuk menerima atau menolak tawaran tersebut.

[25 markah]

2. [a] Huraikan tiga bahasa utama yang mempunyai ramai penutur dalam kumpulan keluarga bahasa Indo-Eropah.

[10 markah]

- [b] Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan dan bauran bahasa-bahasa dalam keluarga bahasa tersebut di atas.

[15 markah]

3. [a] Huraikan kenapa penghijrahan dianggap suatu proses interaksi ruangan yang kompleks?
[15 markah]
- [b] Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai, huraikan lima bentuk pergerakan penduduk yang merupakan bentuk-bentuk pergerakan yang tidak tetap.
[10 markah]
4. Bincangkan bauran teknologi maklumat di negara-negara yang anda mempunyai pengetahuan khusus dan jelaskan secara ringkas apakah kesan buruk yang mungkin dialami oleh masyarakat yang terdedah kepada ledakan maklumat-maklumat tersebut?
[25 markah]

BAHAGIAN B:

5. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan fenomena globalisasi?
[5 markah]
- [b] Jelaskan dimensi-dimensi utama globalisasi ekonomi dan huraikan kesannya terhadap ekonomi negara-negara yang sedang membangun.
[20 markah]
6. Pilih dua (2) daripada berikut dan bincangkan perkembangannya dalam konteks fizikal, budaya, sosio-ekonomi dan politik.
- [a] Pemandangan dan Urbanisme. [12.5 markah]
- [b] Bandar Terawal. [12.5 markah]
- [c] Revolusi Industri dan Pembangunan bandar. [12.5 markah]
- [d] Sistem Bandar Wilayah dan Nasional. [12.5 markah]

...3/

7. [a] Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan proses pembedaran pasca-industri?
[5 markah]
- [b] Bincangkan sejauhmana pentingnya faktor sistem pengangkutan yang cekap dalam mempengaruhi proses pembedaran pasca-industri di masa depan.
[20 markah]
8. Hurai dan jelaskan kenapakah sektor ekonomi tradisional atau pertanian masih lagi menjadi pilihan dan keutamaan pembangunan bagi penduduk-penduduk di negara-negara membangun sekarang ini?
[25 markah]